

dengan tegas dan jangan segan-segan. Inilah harapan rakyat dan rakyat sudah jelas tidak senang atas langkah-langkah Tunku Abdul Rahman berlembut terus-menerus di dalam menghadapi keadaan yang mungkin⁷ menimbulkan bahaya dan merosakkan keamanan di dalam negeri kita ini.

Harry Lee Menghina Kerajaan Saudi?

Tatkala menyambut setahun PETIR di Seremban, Mister Harry Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura yang menjadi juga Setiausaha Agung PETIR, menurut sebagaimana yang tersiar di dalam akhbar telah mengeluarkan suatu perkataan yang bertujuan kalau tidak dipandang menghina bolehlah dipandang mengejek dengan mengatakan bahawa berlainan daripada lawatan Tun Razak dan Tunku maka lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak ada berjumpa dengan rakyat umum – hanya bergambar dengan Raja Saudi yang mempunyai 180 isteri.

Selain daripada memperkecil-kecilkan dan mengejek Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Lee Kuan Yew sudah pula membuat suatu pandangan yang boleh dipandang menghina kepada kerajaan Saudia ‘Arabiah kerana:

1. Islam tidak memberarkan beristeri lebih daripada empat dan pandangan atas 180 orang itu tidak lain daripada pandangan ejekan yang daripada segi kaca mata Barat dipandang sebagai suatu penghinaan.
2. Al-Malik Sa’ud sudah meletakkan jawatan dan baginda tidak ada di Hijaz kerana keuzurannya dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak ada berjumpa dengan al-Malik Sa’ud. Ini adalah suatu dusta yang tidak lain daripada tujuan mulut celoparnya mendatangkan sesuatu tuduhan dengan tidak diperiksa lebih dahulu.
3. Yang menjadi tuan rumah di Hijaz ialah

al-Malik Faisal. Baginda hanya ada mempunyai seorang isteri. Kalau pun salah nama maka tidaklah patut yang demikian itu dikeluarkan. Adat-istiadat orang jangan disentuh, sebab kita mengetahui hartawan-hartawan Cina yang sebangsa dengan Lee Kuan Yew sampai sekarang pun masih mempunyai tradisi menyimpan “isteri-isteri” kecil berpuluhan-puluhan orang hingga hari ini bahkan ada juga di dalam masyarakat itu yang isteri-isteri itu tidak puas hati lalu berkendak dengan lain-lain bangsa lalu mengeluarkan anak-anak gampang.

Perbuatan mengata di sana dan mengata di sini seperti ini adalah tidak baik dan mungkin perbuatan ini akan merosakkan perhubungan baik kerajaan Saudia ‘Arabiah dengan Malaysia terutamanya hubungan baik yang berjalan zaman berzaman di antara kerajaan itu khasnya orang Islam. Mungkin juga Tuan Harry Lee tidak senang hati kerana ada hubungan baik di antara Islam dengan Islam apa lagi dalam masa ia menyindir-nyindir dan menghidup-hidupkan perasaan perpecahan dan perpaduan di antara umat Islam dengan menimbul-nimbulkan takrif-takrif D.K.A. (Darah Keturunan ‘Arab) dan D.K. K. (Darah Keturunan Keling) yang pernah mengeruhkan suasana di Singapura ini. Seolah-olahnya Harry Lee tidak senang akan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berasal daripada keturunan ‘Arab itu menjadi Yang di Pertuan Agong dan banyak pegawai-pegawai dan keturunan-keturunan itu berani bertegas-tegas menentang keceloparan yang diperbuat oleh Harry Lee bagi muslihat dan kedudukan orang-orang Melayu. Barangkali juga Tuan Harry Lee iri hati tidak dapat jadi Melayu sebab yang dikatakan Melayu itu ialah keturunan orang yang beragama Islam seperti yang tersebut di dalam Perlembagaan.

⁷ ‘Mungkin’ dieja sebagai ‘mungkin’